

14/02/1997

TNB tidak akan pinda perjanjian dengan IPP

Razali Zakaria

TENAGA Nasional Bhd (TNB) tidak akan mengubah perjanjian pembelian tenaga (PPA) yang dimeterai dengan lima pengeluar tenaga persendirian (IPP), walaupun menyedari ada antara perjanjian itu membebankan kedudukan kewangannya.

Pendirian tegas TNB dalam memegang janjinya terhadap IPP dinyatakan sendiri oleh Pengerusi Eksekutif TNB, Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali, kepada Berita Harian, baru-baru ini.

"Saya sendiri berpendapat adalah tidak wajar kita (TNB) mengkaji semula perjanjian berkenaan kerana perbuatan itu akan menjejaskan kedudukan kita sendiri.

"Terutama, dari pandangan masyarakat kewangan dunia yang sebelum ini memberi pinjaman kepada syarikat kita yang memohon pinjaman atas dasar bahawa perjanjian sudah ada.

"Jika perjanjian yang sudah ada itu, tiba-tiba hendak ditukar, keadaan ini akan menyebabkan masyarakat kewangan dunia tidak akan mempercayai kita lagi pada masa depan," katanya.

Beliau mengakui salah satu sebab pulangan atas aset TNB tidak di tahap yang sepatutnya berpunca daripada bayaran TNB kepada IPP untuk pembelian kuasa.

Sejak 1993 lalu, TNB menandatangani PPA dengan lima IPP yang sudah beroperasi, iaitu YTL Power, Powertek Bhd, Port Dickson Power Sdn Bhd, Segari Energy Ventures Sdn Bhd dan Genting Sanyen Power Sdn Bhd. TNB membayar di antara 12.5 sen dan 15.5 sen seunit.

Baru-baru ini, PPA dan IPP menjadi isu apabila anggota Dewan Rakyat Parit Sulong, Ruhanie Ahmad yang mengulas gesaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad membawa perkara itu di Parlimen.

Ruhanie membidas sesetengah IPP mengenakan kadar bayaran yang dianggap melampaui batas sehingga mencapai untung RM1.4 bilion setahun, berbanding keuntungan TNB sebanyak RM700 juta setahun.

Perdana Menteri pada 21 Oktober tahun lalu menggesa supaya IPP menyeragamkan kadar bayaran tenaga yang dijananya kepada TNB. Usaha itu sebagai satu tanggungjawab sosial warga korporat kepada rakyat jelata dan tidak mahu melihat TNB mengalami kerugian.

Ahmad Tajuddin berkata, dengan tidak mengubah atau menukar kandungan perjanjian itu, jalan lain akan dicari dan usaha itu dilakukan bersama TNB, IPP, kerajaan dan kementerian.

"TNB sedang berbincang dengan kerajaan dan salah satu agendanya ialah IPP sendiri sudah setuju untuk menanggung bersama sebahagian daripada kos pemberian bekalan elektrik luar bandar.

"Kos pemberian bekalan elektrik bagi penduduk luar bandar di seluruh negara itu akan disalurkan menerusi satu dana yang akan diwujudkan oleh kerajaan," katanya.

Menurutnya, TNB kini berbincang dengan kerajaan mengenai kedudukan kewangan dan pelaburannya serta punca di mana menyebabkan kedudukan yang dihadapi sekarang membebankan apabila pulangan atas aset tidak ditahap yang sepatutnya.

(END)